



TEKS UCAPAN

YBhg. Tuan Haji Mohd Shahabuddin Bin Omar
Setiausaha Persekutuan Sarawak

MAMPU Outreach Bilangan 1 Tahun 2020:
Sesi Taklimat & Klinik myPortfolio kepada
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia,
Sarawak

Assalamualaikum, Salam Sejahtera, Selamat Pagi dan Salam Ibu Pertiwiku.

YBrs. Laksamana Pertama Maritim Robert Teh
Geok Chuan
Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim
Malaysia, Sarawak

YBrs. Encik Banges Munga
Pengarah MAMPU Sarawak

Tuan-tuan dan puan-puan peserta Sesi Taklimat dan Klinik myPortfolio oleh MAMPU Sarawak kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Sarawak pada pagi yang berbahagia ini.

2. Alhamdulillah, syukur kita kepada Tuhan kerana dengan izinNya jua dapat kita berkumpul pada hari ini dalam Program MAMPU

Sarawak iaitu MAMPU Outreach Bilangan 1 Tahun 2020, Sesi Taklimat dan Klinik myPortfolio kepada APMM.

3. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada MAMPU Sarawak dan APMM Sarawak kerana bersama-sama dalam melaksanakan dan menjayakan program sinergistik dalam mendukung prakarsa dalam memastikan penyampaian perkhidmatan awam sentiasa berada di tahap yang bitara.

4. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, myPortfolio bukanlah asing kepada saya (kerana saya memang dari MAMPU Putrajaya sebelum ini) dan apa yang saya boleh katakan adalah myPortfolio ini merupakan satu pendekatan dan satu instrument pengurusan strategik untuk

memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan.

5. Sistem penyampaian perkhidmatan yang efisien membolehkan rakyat berurusan dengan Kerajaan dengan lebih mudah dan telus. Mengambil contoh dari perspektif komuniti perniagaan, perkhidmatan yang cekap, cepat dan tepat membolehkan kos operasi menjadi lebih rendah dan kompetitif.

6. Apabila ini direalisasikan, maka Kerajaan akan berupaya mewujudkan ekosistem yang merangsang peningkatan daya saing di peringkat global melalui pelbagai dasar mesra pelanggan. Hasilnya, boleh dilihat dari pencapaian negara melalui pengiktirafan antarabangsa.

7. Sebagai contohnya, dalam laporan Ease of Doing Business Report 2019 oleh World Bank, kedudukan Malaysia telah melonjak dari tempat ke 24 kepada tempat ke 15 dalam kalangan 190 buah negara. Kedudukan ini meletakkan Malaysia mengatasi beberapa buah negara maju seperti Perancis (tangga ke 32), Switzerland (tangga ke 38) dan Jepun (tangga ke 39). Kita juga berada pada kedudukan ke 6 di Asia Pasifik selepas New Zealand, Singapura, Hong Kong, Korea Selatan dan Taiwan.

8. Kecemerlangan tadbir urus korporat negara pula dibuktikan dalam laporan oleh Corporate Governance Watch Report 2018 yang diterbitkan oleh Asian Corporate Governance Association. Laporan ini yang berdasarkan kaji selidik melibatkan lebih daripada 1,000 syarikat, meletakkan Malaysia di kedudukan

ke 4 daripada 12 buah negara Asia Pasifik, berbanding tempat ke 6 pada tahun 2016. Pencapaian ini meletakkan negara kita di hadapan Jepun (ke 7), Korea Selatan (ke 9) dan China (ke 10).

9. Pencapaian-pencapaian ini amat penting bagi kita kerana ia mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah negara yang sesuai dan mesra perniagaan. Selain itu, ia juga mengiktiraf Malaysia sebagai negara yang mempunyai tadbir urus korporat yang meyakinkan dan cemerlang. Perniagaan bukan sahaja aktiviti yang utama kepada peningkatan kekayaan negara, tetapi ia juga menaikkan peluang pekerjaan dan cukai untuk dana Kerajaan.

10. Tetapi, pengiktirafan ini tidak seharusnya menjadikan kita statik dan kita juga

tidak harus berpuas hati dan berhenti berusaha memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan yang sedia ada. Saya berharap agar peluang ini digunakan sepenuhnya oleh tuan-tuan dan puan-puan dalam bersama-sama melakar dan menuntaskan ilmu dalam mempelajari dan seterusnya menghasilkan myPortfolio APMM sepertimana yang dikehendaki oleh para stakeholders kita.

11. Khalifah Harun al Rashid, pemerintah terkenal dalam Kerajaan Bani Abbasiyah pernah mengungkapkan:

"aku tidak bangga dengan kejayaan yang terhasil tanpa perancangan yang raph sebaqalrnana aku tldak akan.menyesal atas kegagalan yang terjadi setelah usahayang maksimum".

Justeru, dengan program seumpama ini, saya percaya APMM akan dapat menghasilkan myPortfolio sepertimana yang dirancang mengikut format dan aturan yang betul dan sewajarnya.

12. Akhir kata, saya ingin rnengingatkan kita semua bahawa sistem atau cara melakukan sesuatu, walau bagaimana baik sekalipun, tidak akan berjaya jika pengamal sistem tidak menggunakannya dengan jujur, disiplin dan berhemah.

13. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Program MAMPU Outreach Bilangan 1 Tahun 2020: Sesi taklimat dan Klinik myPortfolio kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Sarawak pada kali ini. Sekian, terima kasih.